



BULETIN CASSIA

BIL 2/2022 (JUL - DIS) EDARAN PERCUMA

www.mdkampar.gov.my



Naib Johan

HARI INOVASI

PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2022



KAMPAR MOBILE MAPS



KUTIPAN TIPPING FEE YANG RENDAH DI TAPAK PELUPUSAN MAJLIS DAERAH KAMPAR



GARISAN TEMPAT LETAK KERETA YANG TIDAK DISEDIAKAN DAN DISELENGGARA DENGAN SEMPURNA DI KAWASAN MAJLIS DAERAH KAMPAR

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keagungan, limpah rahmat dan perkenanNya, dapat kita bersiaran lagi melalui Buletin Cassia Bil. 2/2022 bagi. Semoga kita sentiasa bersyukur dengan apa yang kita perolehi pada hari ini dan pada hari-hari yang akan datang. Sekalung penghargaan saya ingin sampaikan kepada Ahli-Ahli Sidang Redaksi Buletin dan semua Jabatan yang telah memberi kerjasama dalam penerbitan buletin ini.

Dikesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga kerja MDKampar, Ahli-Ahli Majlis dan seluruh warga Daerah Kampar yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung ke atas pencapaian yang dikecapi dan menjayakan segala aktiviti/ program anjuran MDKampar. Semua warga kerja MDKampar diharapkan dapat terus fokus dan mengekalkan momentum dengan semangat yang tinggi bekerjasama melaksanakan tanggungjawab dengan amanah dan jujur, berkhidmat sebagai penjawat awam yang mampu memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat setempat dan pihak berkepentingan sepertimana yang diharapkan oleh kepimpinan di peringkat Persekutuan dan mahupun di peringkat negeri. Kita hendaklah sentiasa peka serta memahami dasar-dasar Kerajaan yang dibuat dari masa ke semasa, agar boleh bertindak sebagai duta penyampai maklumat bagi pihak MDKampar.

Semoga kita dapat bersua lagi di edisi yang akan datang. Sekian.

Ahmad Suqairy bin Alias

Yang Dipertua

Majlis Daerah Kampar

"Terus Melangkah Ke Hadapan"

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tn. Ahmad Suqairy bin Alias, PPT.,AMP

PENASIHAT

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP.

KETUA EDITOR

Pn. Khumaizah binti Aziz

WARTAWAN

- 1) TPr Muhamad Hisham bin Hashim
- 2) Rozzila binti Mohamad Som
- 3) Mohd Salim bin Saleh
- 4) Nor Syazana binti Amrah@Omrah
- 5) Mahfuzah binti Mokhtar
- 6) Norazila binti Ahmad Hamdi
- 7) Izham bin Ahmad
- 8) Muhamad Syarafi bin Mohd Said
- 9) Muhammad Zulhelmi bin Mohd Salji

- 10) Muhammad Muslihuddin bin Jaafar
- 11) Hamishah binti Ahamed
- 12) Hafiza binti Makri
- 13) Nurul Fahana binti Md Bakri

MEDIA CASSIA

- 1) Mohd Syukri bin Wazirrudin
- 2) Alif Syairazi bin Mohd Sopian
- 3) Faridzul Arif bin Mohd Hashim
- 4) Mohd Hizam bin Radzuan





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

MAJLIS ANGKAT SUMPAH MENERIMA JAWATAN SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH KAMPAR



Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kampar

Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kampar oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar bagi Tempoh 15 September 2022 sehingga 14 September 2024

Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kampar oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar bagi Tempoh 15 September 2022 sehingga 14 September 2024 telah diadakan pada 27 September 2022 (Selasa) jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Cassia Biflora, MDKpr.

Lafaz ikrar sebagai Ahli Majlis telah dizahirkan oleh Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar.

Majlis tersebut dihadiri dan disaksikan oleh barisan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan Majlis Daerah Kampar.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA MAJLIS DAERAH KAMPAR DAN MIMBAR NUSANTARA HOLDINGS SDN. BHD



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Majlis Daerah Kampar dan Mimbar Nusantara Holdings Sdn. Bhd

Pada 29 Ogos 2022 (Isnin) bertempat di Bilik Mesyuarat Cassia Biflora, Majlis Daerah Kampar telah diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Majlis Daerah Kampar dan Mimbar Nusantara Holdings Sdn. Bhd. Memorandum Persefahaman ini adalah bagi Cadangan Pembangunan Skim Perumahan di atas Tanah Majlis Daerah Kampar seluas 4.42 ekar, Wilayah Malim Nawar, Mukim Kampar, Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan.

Majlis Daerah Kampar diwakili oleh Yang Dipertua, Tuan Abdul Halim bin Saad AMP, Setiausaha Majlis Puan Siti Azura binti Hj. Juki AMP dan Clr. En. Rafidi bin Mohd Razali manakala Mimbar Nusantara Holdings Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah Syarikat En. Nazrin Cheong bin Abdullah dan Puan Azrina Binti Abd. Latif.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman ini disaksikan oleh Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak. Majlis juga turut dihadiri oleh Tuan Mohd Hafifi bin Mohd Arop, Pegawai Khas Bahagian Perumahan, Ahli-ahli Majlis dan Pegawai-pegawai Majlis Daerah Kampar





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2022

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2022

Tarikh: 19 Oktober 2022

Tempat: Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

MDKpr telah diumumkan sebagai pemenang di HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2022 seperti berikut :

KUMPULAN 1

Nama Kumpulan : *Mind Power*

Penyertaan : *KIK Horizon Baharu*

Tajuk Projek :

Garisan tempat letak kereta yang tidak disediakan dan diselenggara dengan sempurna di kawasan Majlis Daerah Kampar

Bidang Inovasi : *Penyampaian Perkhidmatan*

Kategori Inovasi : *Penciptaan Produk*

Pencapaian : *NAIB JOHAN*



MAJLIS DAERAH KAMPAR
KAMPAR MOBILE MAPS



KUMPULAN 2

Nama Kumpulan : *1-STEP*

Penyertaan : *KIK Horizon Baharu*

Tajuk Projek :

Kutipan Tipping Fee yang rendah di Tapak Pelupusan Majlis Daerah Kampar

Bidang Inovasi : *Penyampaian Perkhidmatan*

Kategori Inovasi : *Penambahbaikan Produk*

Pencapaian : *NAIB JOHAN*

KUMPULAN 3

Nama Kumpulan : *D'POiNT*

Penyertaan :

Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat & Komunikasi Negeri Perak

Tajuk Projek : *Kampar Mobile Maps*

Pencapaian : *NAIB JOHAN*

Terima kasih kepada semua yang telah bertungkus lumus dalam memastikan pembudayaan inovasi terus dijalankan di MDKpr dan semoga semangat berinovasi terus dikekalkan bagi menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang. **TAHNIAH SEMUA KUMPULAN**



PROGRAM DAN AKTIVITI MDK_{pr} PAMERAN INOVASI CAR PRO LINE



JEMPUTAN SEBAGAI PEMPAMER SEMPENA PROGRAM PEMBUDAYAAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2022

Kumpulan Inovasi Mind Power telah terpilih sebagai pempamer sempena Program Pembudayaan Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2022 dengan tajuk inovasi Projek Car Pro Line (Penyediaan Garisan Tempat Letak Kereta). Kumpulan ini telah memenangi tempat kedua kategori Majlis Daerah dalam Pertandingan Inovasi Piala YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MALA).

Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Zainol Fadzi Paharudin, DPCM, DPMP, PMP (Prk); DSM (Mel); ASDK (Sab) Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Dalam program ini juga, Puan Siti Nadhirah binti Ismail selaku Pembantu Penilaian W19 dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah terpilih sebagai pemenang bagi pertandingan mencipta Tema Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak dengan tema "Semarak Inovasi Menggarap Infiniti". Majlis mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang terpilih dan diharapkan agar kemenangan ini dapat menjadi pemangkin semangat ke arah pembudayaan inovasi yang berterusan di organisasi.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDK_{pr} PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN BANDAR PALING BERDAYA HUNI 2021 BAGI PENGUKURAN INDEKS DAYA HUNI MALAYSIA (IDAM)



PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN BANDAR PALING BERDAYA HUNI 2021 BAGI PENGUKURAN INDEKS DAYA HUNI MALAYSIA (IDAM)

Majlis Daerah Kampar telah disenaraikan antara 10 PBT yang diberi penghargaan melalui Penyampaian Anugerah Berdaya Huni Tahap Tertinggi 2021 di dalam Majlis Pelancaran Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM). Tuan Abdul Halim Bin Saad, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar telah menerima penyampaian sijil tersebut daripada YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pihak majlis merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui PLAN Malaysia kerana memilih Majlis Daerah Kampar sebagai penerima anugerah.

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja Majlis Daerah Kampar yang bertungkus lumus dalam memastikan Bandar Kampar sentiasa dirancang, dikawal selia pembangunan dan landskap bandar ke arah bandar dalam taman yang mampan dan lestari





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PELANCONGAN



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM DAN PELANCARAN BULAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-4 GEOPARK KEBANGSAAN LEMBAH KINTA

01 Oktober 2022, Dataran Bandar Baru, Kampar - Majlis Perasmian Program dan Pelancaran Bulan Sambutan Ulang Tahun Ke-4 Geopark Lembah Kinta telah diadakan pada pagi ini. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Nolee Ashilin bt. Dato' Mohammed Radzi, DPCM, PPM, PJK - Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan. Turut hadir bersama ialah Tuan Yang Dipertua MDKpr, Tn. Ahmad Suqairy bin Alias, Cik Nurul Ezzati bt Azmi - Perwakilan Dewan Belia DUN Tualang Sekah, dan beberapa Ketua Jabatan Daerah, Negeri serta pasukan Konvoi Belia. Majlis telah dimulakan dengan beberapa persembahan kebudayaan iaitu Tarian Melayu, Gendang Cina dan Silat Melayu. Selepas itu diadakan gimik Pelancaran Ulang Tahun ke-4 Geopark Kebangsaan Lembah Kinta. Sebagai melengkapkan acara, Tuan Yang Dipertua turut dijemput untuk melepaskan kumpulan Konvoi Belia ke destinasi seterusnya.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PELANCONGAN



PROGRAM *beYoutiful@KAMPAR*, MAJLIS PELANCARAN LOGO PELANCONGAN KAMPAR & PERASMIAN *ILHAM SENI@KAMPAR*

Majlis Pelancaran Logo Pelancongan Kampar & Perasmian *Ilham Seni@Kampar* telah diadakan pada 26 September 2022 seterusnya melengkapkan Program Acara Pelancongan *beYoutiful@Kampar* selama 3 hari bermula 24 hingga 26 September 2022. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Nolee Ashilin bt Dato' Mohammed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak. Ia turut dihadiri oleh YBhg. Tuan Ahmad Suqairy bin Alias - Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar (MDKpr), Pn. Nur Azlina binti Othman, Pegawai Daerah Kampar, Cik Nurmalis binti Musa, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Perak, Yang Dipertua & Setiausaha PBT Perak, Ahli-Ahli Majlis, Ketua Jabatan Negeri dan Daerah, Ketua Jabatan MDKpr, warga MDKpr, pengusaha pelancongan daerah dan influencers. Selaras dengan penyertaan keahlian Majlis Daerah Kampar dalam Tourism Promotion Organization (TPO) di Peringkat Asia Pasific sejak 26 Februari 2021, kerja-kerja promosi pelancongan giat dijalankan oleh pihak Majlis dengan kerjasama pengusaha-pengusaha yang terlibat bagi mempromosikan produk pelancongan Kampar ke peringkat antarabangsa melalui pelan halatujuan pelancongan yang lebih berstrategi. Program selama 3 hari 2 malam ini membawa para influencers melawat kawasan-kawasan pelancongan di Daerah Kampar dalam usaha mempromosikannya secara atas talian selain membina penjenamaan *beYoutiful@KAMPAR* di dalam & luar negara dan diakhiri dengan Majlis Pelancaran Logo Pelancongan Kampar & Perasmian *Ilham Seni@Kampar*.

Program ini mendapat sokongan penuh daripada para pengusaha pelancongan Daerah Kampar dan rakan strategik seperti Kerajaan Negeri Perak, Tourism Perak, Jabatan Penerangan dan Hotel Grand Kampar yang telah menaja penginapan influencers. Idea produk terbaharu pelancongan iaitu *Ilham Seni@Kampar* ini tercetus susulan daripada kesinambungan program JOM WARNAKAN BANDAR KITA@KAMPAR 2.0 yang telah dilaksanakan oleh Majlis Daerah Kampar sejak tahun 2018. Gerak kerja program tersebut meliputi mengecat beberapa blok bangunan di Jalan Gopeng - Kampar dengan warna oren dan putih serta menaiktaraf lorong belakang bangunan yang terlibat. Lukisan mural yang menghiasi dinding bangunan lama di *Ilham Seni@Kampar* di bahagian belakang blok bangunan lama Jalan Gopeng Kampar, menjadi tarikan terbaharu pelancongan di daerah ini. Ia dilaksanakan untuk menceria dan menghidupkan semula lorong-lorong belakang yang selama ini terbiar selain melestari dan menghidupkan kawasan Pekan Lama.

Mural di *Ilham Seni@Kampar* yang berinspirasi tradisi, budaya, sejarah, alam semulajadi dan industri telah disiapkan sepenuhnya oleh pelukis tempatan melalui kerjasama Persatuan Pelukis Perak. Pelaksanaan bagi kerja melukis mural ini telah mengambil masa selama lapan 8 minggu bermula 21 Disember 2020 sehingga 16 Februari 2021 melalui peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Setiap karya telah dilengkapi dengan imbasan kod QR yang mengandungi cerita dibalik lukisan mural tersebut.

MDKpr berharap agar Program *beYoutiful@Kampar* ini terus kekal relevan dengan skop yang akan dikembangkan luas sebagai program acara Pelancongan Kampar yang beridentitikan Daerah Kampar sebagai potensi pelancongan yang signifikan





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LAWATAN



LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS BANDARAYA IPOH

14 JULAI 2022 (KHAMIS), DEWAN BANDARAN KAMPAR, KUMPULAN INOVASI MIND POWER, UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT & HAL EHWAL KOMUNITI - Pihak Majlis telah menerima lawatan penanda aras dari Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) ke Majlis Daerah Kampar pada 14 Julai 2022 (Khamis). Lawatan ini telah diketuai oleh Puan Nor Azlina binti Jalaludin selaku Ketua Penolong Pengarah Perbendaharaan (Sistem) Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) serta beberapa pegawai MBI.

Lawatan ini bertujuan perkongsian produk inovasi CAR PRO LINE – Penyediaan Garisan Tempat Letak Kereta yang dicipta oleh Kumpulan Mind Power. Di samping itu, lawatan ini juga adalah perkongsian pandangan berkaitan teknik mengecat garisan petak letak kereta yang lebih efisien dengan demonstrasi pemakaian produk di lapangan telah dijalankan. Secara tidak langsung, lawatan ini dapat membantu pihak Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dalam mempromosi produk inovasi CAR PRO LINE di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak Darul Ridzuan.

Diharap agar kerjasama dan perkongsian ini dapat memberikan penyelesaian kepada masalah tempat letak kereta yang sering dihadapi oleh PBT bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PERHIMPUNAN ANGGOTA



MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 4/2022 MDKpr

28 JULAI 2022 (KHAMIS), AUDITORIUM MAJLIS
DAERAH KAMPAR

Pengisian Program :

- Taklimat Pegawai Perancang Bandar & Desa J44 (OSC) iaitu Encik Izham bin Barahim.
- Penyampaian Sijil Penghargaan Misi Pengurusan Pasca Banjir PBT Negeri Perak di Daerah Bentong, Pahang.
- Penyampaian Anugerah Tempat Kerja (Stor) Terbaik 2022:-
 - Tempat Pertama : Stor UPB
 - Tempat Kedua : Stor Jabatan Kejuruteraan
- Penyampaian Hadiah Pertandingan Football Fantasy
- Penyampaian Cenderahati Hari Lahir Anggota Bulan April, Mei, Jun dan Julai





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PERHIMPUNAN ANGGOTA



MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 5/2022 MDKpr

27 SEPTEMBER 2022 (SELASA), AUDITORIUM MAJLIS
DAERAH KAMPAR

Pengisian Program :

- Penyampaian Sijil Penghargaan
PUAN SITI NADHIRAH BINTI ISMAIL
Pemenang bagi Pertandingan Mencipta Tema Hari
Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Perak Tahun
2022

BAHAGIAN LANDSKAP & REKREASI

Pemenang Tempat Ketiga bagi Kategori Majlis
Daerah (PBT) bagi Pertandingan Keceriaan Hari
Kebangsaan Peringkat Negeri Perak Tahun 2022

- *Pengenalan Anggota Baru*
EN. MUHAMMAD NUR AMIN BIN SALLEH
(Wakil Ucapan) Pembantu Tadbir N19
Lantikan Jawatan Pembantu Tadbir N19 (Kontrak)

EN. ADIB AFFANDI BIN IBRAHIM
(Wakil Ucapan) Pembantu Awam H11
Lantikan Jawatan Pembantu Awam H11 (Kontrak)

- Penyampaian Cenderahati Hari Lahir Anggota
Bulan Ogos dan September.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PERHIMPUNAN ANGGOTA



MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 6/2022 MDKpr

7 DISEMBER 2022 (RABU), AUDITORIUM MAJLIS
DAERAH KAMPAR

Pengisian Program :

- Pengenalan Anggota Baru

PUAN NORAZILA BINTI AHMAD HAMDI
Pegawai Perancang Bandar & Desa J44 (OSC)

- Penyampaian Cenderahati Hari Lahir Anggota Bulan Oktober hingga Disember.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KELAB SUKAN



**PERLAWANAN
PERSAHABATAN
Badminton**

**THE MINERS
(MD KAMPAR)** **VS** **JAB BOMBA &
PENYELAMAT
(TAPAH)**

28 JULAI 2022 (KHAMIS)
JAM 9.00 MALAM | KAMPAR SENTRAL SPORT CENTRE



**PERLAWANAN PERSAHABATAN ANTARA AHLI
KELAB SUKAN MDKPR VS JABATAN BOMBA
& PENYELAMAT (TAPAH) PADA 28 JULAI 2022 DI
KAMPAR SENTRAL SPORT CENTRE.**





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KELAB SUKAN



LIGA IPOH 2022





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KELAB SUKAN



PERTANDINGAN SEPAKAN PENALTI KAMPAR 2022 DI KOMPLEKS RAKAN MUDA, KAMPAR PADA 31 OGOS 2022





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KELAB SUKAN



**PROGRAM REKREASI KE BUKIT BATU GRANIT PORFIRITIK
@KAMPAR MELIBATKAN AJK KELAB, KETUA JABATAN
SERTA AHLI KELAB SUKAN MDKPR PADA 7 OKTOBER 2023**





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KELAB SUKAN



KARNIVAL SUKAN PEMUDA KAMPAR

MDKpr Telah Menghantar 2 Team Futsal Iaitu MDKpr A Dan MDKpr B Di Karnival Sukan Pemuda Kampar Pada 30 Oktober 2022. Bertempat Di Sport Kompleks Grand Kampar. Keputusan MDKpr B Telah Berjaya Mendapat Tempat Ke 3 Manakala MDKpr A Terkandas Di Suku Akhir.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KELAB SUKAN



Tarikh tutup
penyertaan
20 Oktober 2022

Coming Soon!..

THE MINERS

Pendaftaran & Pertanyaan :
Anizan 019 4213808
Ibrahim 019 7109208



Anjuran
Kelab Sukan MDKpr

LIGA DART MDKPR 2022

Liga Dart MDKpr 2022 yang telah diadakan di Rumah Kelab, Sukan. Pertandingan dijalankan secara liga melibatkan kategori lelaki dan Wanita





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr BADAN KEBAJIKAN



5 SEPTEMBER 2022

Mengadakan bacaan yasin khas untuk mendoakan bapa Pn Rohaizatul Akma binti Kamarudin yang sedang sakit tenat.

6 SEPTEMBER 2022

Menguruskan Kutipan sumbangan kematian bapa Puan Rohaizatul Akma binti Kamarudin. Tarikh kematian pada 6.9.2022

9 SEPTEMBER 2022

Menyertai Program Bacaan Yasin sempena Hari Kebangsaan di Masjid An-Nur Kampar.

9 SEPTEMBER 2022

Menguruskan kutipan sumbangan kematian ibu En Rosshidi bin Saleh.

10 OKTOBER 2022

Menguruskan kutipan sumbangan kecemasan untuk En Sakhtivel a/l Parama Siwam atas musibah bumbung rumahnya yang runtuh di Wah Loong Baru, Kampar.

20 OKTOBER 2022

Program serahan sumbangan Deepavalli kepada warga kerja yang meraikan Deepavalli. Seramai 15 orang warga MDKpr yang merayakan Deepavalli telah menerima sumbangan yang diserahkan oleh Tuan YDP MDkpr, Tuan Ahmad Suqairy bin Alias.



3 NOVEMBER 2022

Menguruskan kelengkapan surau Dewan Bandaran Kampar untuk petugas-petugas Pilihanraya ke 15.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr BADAN KEBAJIKAN



30 NOVEMBER 2022

Ziarah kasih ke rumah Puan Mahani binti Taib di Taman Melayu Jaya kerana beliau mengalami kemalangan di tempat kerja mengakibatkan patah tangan dan kaki.



14 DISEMBER 2022

Menguruskan kutipan sumbangan kematian Bapa En Ibrahim bin Taib. Tarikh Kematian pada 3 Disember 2022.

16 DISEMBER 2022

Menguruskan kutipan sumbangan kematian bapa Puan Hamishah binti Ahamed. Tarikh kematian pada 11 Disember 2022



29 DISEMBER 2022

Menguruskan kutipan sumbangan untuk Encik Ikrimah bin Mohd Nizar yang mengalami kemalangan jalanraya.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 PROGRAM KEMPEN DERMA DARAH



PROGRAM KEMPEN DERMA DARAH 02 JULAI 2022





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 PROGRAM JOM BERSIH PREMIS PERNIAGAAN



**PROGRAM JOM BERSIH
PREMIS PERNIAGAAN
23 JULAI 2022**



PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21

PROGRAM GOTONG-ROYONG KEBERSIHAN MEGA DI PASAR
AWAM KAMPAR SEMPENA KEMPEN KAWALAN TIKUS PBT 2022



PROGRAM GOTONG-ROYONG KEBERSIHAN MEGA DI PASAR AWAM KAMPAR SEMPENA KEMPEN KAWALAN TIKUS PBT 2022

**KEMPEN
KAWALAN TIKUS
DI PASAR AWAM KAMPAR**




TIKUS PEMBAWA PENYAKIT!!
JALANKAN LANGKAH-LANGKAH KAWALAN

TARIKH : 12 OGOS 2022





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 PROGRAM E-WASTE DI PASAR AWAM KAMPAR



PROGRAM E-WASTE DI PASAR AWAM KAMPAR 13 OGOS 2022





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 R-SHOW FESYEN UTAR



R-SHOW FESYEN UTAR 16 OGOS 2022

R-SHOW IN KAMPAR
5R FASHION DESIGN COMPETITION

Serving the Community...
Restoring Faith in Humanity

3rd September 2022
(Saturday)
6 PM - 10 PM
A001, Block A
(Multipurpose Hall)
UTAR Kampar Campus

**RM 5
PER TICKET**

For enquiries, please contact: [f](#) UTAR PR CSR PROJECT [i](#) utarpresproject





**PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr
LOCAL AGENDA 21
PROGRAM GOTONG-ROYONG TRASH HERO**



**PROGRAM GOTONG-ROYONG
TRASH HERO
20 OGOS 2022**





**PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr
LOCAL AGENDA 21
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022**



**SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR
NEGARA 2022
29 OKTOBER 2022**





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 PROGRAM KOMPOS DI RPT BATU PUTIH



PROGRAM KOMPOS DI RPT BATU PUTIH 10 DISEMBER 2022





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KURSUS

BENGGKEL BAJET 2023 DAN PEMANTAPAN JATI DIRI KETUA JABATAN MDKPR



BENGGKEL BAJET 2023 DAN PEMANTAPAN JATI DIRI KETUA JABATAN MDKPR

21 - 23 OGOS 2022 (AHAD - SELASA) - HOTEL LE MERIDIEN, PUTRAJAYA - Bengkel Pemantapan Jati Diri Ketua Jabatan MDKpr telah berjaya diadakan pada 21-23 Ogos 2022. Pengisian yang diatur ialah perbincangan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan termasuk kakitangan, orang awam dan stakeholders.

Bengkel ini juga turut membincangkan Penyediaan Bajet Tahun 2023. MDKpr mengambil inisiatif menyediakan elemen dengan penglibatan awam dalam program-program komuniti setempat dan sasaran penyertaan pencapaian bagi tahun akan datang.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KURSUS BENGGEL DESKRIPSI TUGAS DAN MYPORTFOLIO



BENGGEL DESKRIPSI TUGAS DAN MYPORTFOLIO

3 OGOS 2022 (RABU) - BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA - Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menambah ilmu pengetahuan dan mempelajari tentang proses pengisian submodul Deskripsi Tugas dan MyPortfolio di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) bagi mencapai KPI HRMIS yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KURSUS CERAMAH PERTOLONGAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN



CERAMAH PERTOLONGAN DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

6 DISEMBER 2022 (SELASA) - AUDITORIUM MAJLIS DAERAH KAMPAR - Tujuan ceramah ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan peserta mengenai pentingnya tatacara dan peranan pertolongan cemas. Seterusnya, menentukan tindakan yang betul dalam memberi rawatan kecemasan jika berlaku kemalangan di tempat kerja. Peserta juga diharap dapat mempelajari kaedah pertolongan cemas CPR yang betul melibatkan luka dan pendarahan, balutan dan Teknik CPR.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KURSUS KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN DAN SAHSIAH DIRI MAJLIS DAERAH KAMPAR TAHUN 2022



KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN DAN SAHSIAH DIRI MAJLIS DAERAH KAMPAR TAHUN 2022

2 - 4 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT - AHAD) -
RISDA ECO PARK, ULU SLIM, SLIM RIVER-
Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi
meningkatkan kefahaman tentang konsep,
kepentingan serta kaedah-kaedah
meningkatkan semangat kekitaan dalam
pasukan.

Seterusnya, merapatkan ukhwah dan
mewujudkan jaringan perhubungan yang
harmoni di antara anggota Majlis. Peserta juga
diharap dapat meningkatkan kerjasama sesama
anggota dan mendorong sikap positif serta
membina komunikasi berkesan di antara
anggota Majlis.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KURSUS SEMINAR PEMERKASAAN INTEGRITI



SEMINAR PEMERKASAAN INTEGRITI

12 DISEMBER 2022 (ISNIN) - AUDITORIUM MAJLIS DAERAH KAMPAR - Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman tentang definisi integriti, konsep dan nilai-nilai integriti, menghayati dan mengamalkannya. Seterusnya menerapkan nilai akauntabiliti semasa menjalankan tugas dalam perkhidmatan dan memahami pengertian rasuah, contoh-contoh rasuah serta memahami tanggungjawab melaporkan perbuatan rasuah.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KURSUS

**TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEPADA ANGGOTA LANTIKAN BAHARU MAJLIS DAERAH KAMPAR**



**TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN KEPADA ANGGOTA LANTIKAN
BAHARU MAJLIS DAERAH KAMPAR
01 OGOS 2022**





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr KURSUS TAKLIMAT PERANAN JAWATANKUASA ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN





TAKLIMAT PERANAN JAWATANKUASA ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN

15 DISEMBER 2022 (KHAMIS) - AUDITORIUM MAJLIS DAERAH KAMPAR - Tujuan taklimat ini diadakan adalah bagi - memastikan organisasi Majlis Daerah Kampar dalam keadaan sentiasa selamat dari bahaya kebakaran. Jawatankuasa juga diharap berkeupayaan bertindak untuk memberi bantuan menyelamatkan apabila berlaku kebakaran disamping mengamalkan cara kerja yang selamat.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDK_{pr} LENSA PERSIAPAN PRU-15





~ LOGO INISIATIF KEJIRANAN HIJAU ~

Majlis Daerah Kampar

SIMBOLIK KEPADA WARNA

- BERINGAT
- BERSATU
- PEKA / KETUA
- SUBUR
- BIJAK
- SEMANGAT
- BERSIH

VISUAL LOGO

BOTOL MINERAL

TIN SUSU

(SPROCKET) GEGANCU BASIKAL

Inisiatif MDK_{pr} 7 KEJIRANAN HIJAU

...SPAH... ..3R & KOMPOS... ..E-Waste...

** Pengurangan Polistirena * Laluan Pejalan Kaki * Kajian Kejurangan... * Laluan Berbasikal*

LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDKpr
 Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencipta SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr.

SIMBOLIK KEPADA POKOK
 Sebatang pokok - Menghijau (Tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi bagai sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses lumbasaran, berakligen, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang meresput dan menjadi baja.

Bersifat Kekeluargaan - Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.


KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?
 Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses lumbasaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diserapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.

WARNA-WARNA KORPORAT MDKpr digarap dan diwujudkan bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKpr serta dimantapkan lagi dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.

3 akar besar berbentuk kaki
 Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, ianya pasti lebih mudah bergoncang.

Kaki pelbagai arah
 Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

Tapak berwarna UNGU
 Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambangkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikiran dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak di bawah membawa makna "Kejayaan bermula dari bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpijak di bumi nyata. (Sentiasa merendeh diri)



MAJLIS DAERAH KAMPAR
 Unit Perhubungan Korporat & Pelancongan
 Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar
 Jalan Iskandar, 31900 Kampar
 Perak Darul Ridzuan
 Tel: 05 - 467 1020 / Faks: 05 - 467 1040
www.mdkampar.gov.my